

## JABATAN TIMBALAN NAIB CANSOLOR (HAL EHWAL PELAJAR) UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UTM.J.06.01/10.12/22Jld. 2 ( 56 )

14 Jun 2021

### PEKELILING PELAJAR BIL. 11/2021

#### ARAHAN TERKINI BERKAITAN PERGERAKAN PELAJAR BERIKUTAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN PENUH 3.0 (PELANJUTAN DARI 15 HINGGA 28 JUN 2021)

Dimaklumkan pihak Universiti sentiasa memantau dan mengikuti perkembangan terkini penularan kes Covid-19 di dalam kampus UTM Johor Bahru, di sekitar daerah Johor Bahru dan Kulai serta di peringkat negara. Ekoran dari pelanjutan tempoh PKP 3.0 dari **15 hingga 28 Jun 2021** seperti yang diumumkan oleh pihak Kerajaan maka, pihak Universiti melalui Mesyuarat Jawatankuasa Induk *Emergency Response Team* (ERT) yang bermesyuarat pada 12 Jun 2021 serta Mesyuarat Jawatankuasa Penyelarasan Pergerakan Pelajar yang bermesyuarat pada 13 Jun 2021 telah bersetuju untuk melaksanakan pindaan terhadap *Standard Operating Procedure* (SOP) sedia ada di Universiti Teknologi Malaysia (UTM) yang akan **berkuat kuasa mulai 15 hingga 28 Jun 2021** seperti berikut :

#### KHUSUS BAGI PERGERAKAN PELAJAR YANG MENGINAP DALAM KAMPUS UTMJB DAN UTMKL

- (i) Pelajar adalah **TIDAK DIBENARKAN** untuk keluar/masuk kampus. Walau bagaimanapun, mana-mana pelajar yang berkeperluan khas/kecemasan adalah **DIBENARKAN** untuk keluar dari kampus dengan SOP ketat. Syarat umum adalah dalam jarak tidak lebih dari radius 10 km, berkenderaan sendiri dengan **satu (1) orang** sahaja (satu kenderaan dan pemandu sahaja, tidak dibenarkan mengambil penumpang), jangka masa **tidak lebih dua (2) jam** sahaja dan merekod keluar/masuk di Pintu1. Manakala bagi pelajar berkeluarga hanya ketua keluarga boleh diberi kebenaran. Kebenaran hanya boleh diberi antara jam **12 tengah hari hingga 6 petang** sahaja. Urusan surat kebenaran adalah melalui kelulusan Pengetua Kolej Kediaman masing-masing.
- (ii) Bagi mana-mana pelajar pasca siswazah yang berada dalam kampus yang memohon untuk melaksanakan kerja-kerja penyelidikan di makmal/bengkel/studio urusan permohonan hendaklah diselaraskan di peringkat Fakulti/Sekolah/makmal melalui penyelia masing-masing. Surat kebenaran akan dikeluarkan oleh pihak Jabatan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwat Pelajar) (JTNCHEP) berdasarkan perakuan pihak Fakulti/Sekolah/makmal. Ini bertujuan untuk memastikan pematuhan SOP dapat dilaksanakan dengan rapi. Pihak Fakulti/Sekolah/makmal adalah diminta untuk menggerakkan Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) bagi urusan pemantauan dan pematuhan.

- (iii) Pelajar yang berhasrat untuk keluar dari kampus dengan sebab-sebab tertentu (contoh kecemasan atau temujanji vaksin,) bagi tujuan kembali ke kediaman ibubapa/waris di luar daerah Johor Bahru (merentas daerah dan negeri) boleh memohon kebenaran melalui Pengetua Kolej Kediaman masing-masing, surat kebenaran akan dikeluarkan oleh pihak JTNCHEP. Syarat utama ialah pelajar wajib mendapatkan permit dari pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan tidak dibenarkan kembali semula ke kampus sehingga pemakluman terkini dari pihak Kerajaan dan Universiti. Pelajar dikehendaki mengosongkan bilik dan memulangkan kunci bilik di Pejabat Kolej sebelum meninggalkan kampus.

#### **KHUSUS BAGI PERGERAKAN PELAJAR YANG MENGINAP DI LUAR KAMPUS UTMJB DAN UTMKL**

- (i) Sebarang pergerakan pelajar keluar masuk/kampus atau merentas daerah/negeri adalah **TIDAK DIBENARKAN**.
- (ii) Bagi pelajar-pelajar antarabangsa yang memerlukan perkhidmatan berkaitan visa/imigresen atau lain-lain yang berkaitan diminta berurusan terus dengan Pejabat UTM International UTMi berdasarkan SOP sedia ada pelajar antarabangsa.
- (iii) Pelajar-pelajar bagaimanapun, adalah **DIBENARKAN** untuk memasuki kampus bagi tujuan mendapatkan rawatan di Pusat Kesihatan Universiti.

Pihak Universiti ingin menegaskan bahawa semua pelajar diminta untuk terus kekal berada di dalam kampus atau di lokaliti masing-masing dan meneruskan pengajaran dan pembelajaran (PdP) secara dalam talian sehingga ke tarikh yang akan dimaklumkan oleh pihak Kerajaan dan Universiti. Sila ambil maklum, sebarang pelanggaran arahan ini boleh dikenakan tindakan disiplin oleh pihak Universiti.


**Arahan ini adalah tertakluk kepada perubahan dan arahan dari pihak Majlis Keselamatan Negara (MKN) dari semasa ke semasa.**

Sekian.

**“Prihatin Rakyat: Darurat Memerangi COVID-19”**

**“Berkhidmat untuk Negara kerana Allah”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(PROF. DR. SHAMSUL BIN SAHIBUDDIN)**

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)

Jabatan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)

Universiti Teknologi Malaysia

b.p. Naib Canselor

✉ : [shamsul@utm.my](mailto:shamsul@utm.my)

s.k. : Naib Canselor  
: Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)  
: Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)  
: Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)  
: Pendaftar  
: Pengarah, Bahagian Keselaman